

# NRIC terapkan bidang seni dan sastera

Oleh VICTORIA SOFIA

Novel Research and Innovation Competition (NRIC) tahun ini akan dijadikan sebagai platform untuk menampilkan prototaip dan hasil kajian peserta sebagai cara untuk menyelesaikan masalah sosial pada hari ini. Menurut Pengarah Projek NRIC, Chew Wei Wen, masalah sosial tersebut bukan sahaja tertumpu di peringkat tempatan, malah juga pada tahap antarabangsa.

“Kami telah menumpukan kepada masalah sosial di beberapa negara seperti Jepun, Filipina, Thailand, Brunei, Indonesia dan Singapura”, jelas Chew selepas pra-lancaran NRIC 2015.

Tahun ini, NRIC telah memilih Modernising Innovation Beyond Novelty Research sebagai tema dengan hasrat untuk memodenkan inovasi yang sedia ada.

Tema tersebut berkonseptkan Innovation: Odyssey Beyond Limit yang menjadikan NRIC sebagai platform untuk pertandingan penyelidikan dan inovasi dengan memberikan penekanan terhadap bidang sains dan teknologi dan bidang seni dan sastera.

Apabila ditanya mengenai hubungkait antara bidang sains dan

teknologi dan bidang seni dan sastera, Chew telah menjelaskan bahawa ia melibatkan proses untuk mengubah sesuatu yang abstrak kepada konkret.

“Sebagai contoh, kita tidak semestinya akan membaca novel, malah dengan penyelidikan dan inovasi kita boleh mentransformasikan novel itu sebagai sesuatu yang abstrak kepada konkret”, jelasnya.

NRIC telah melakukan perubahan dalam usaha gerak kerja dengan merujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan setiap Universiti Awam dan Universiti Swasta untuk menghantar sekurang-kurangnya satu projek.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berharap upacara pralancaran itu akan membantu NRIC untuk menerima banyak penyertaan dan projek penyelidikan yang telah dilaksanakan di peringkat tahun akhir untuk dipertandingkan.

Tahun ini ialah tahun ke-9 NRIC diadakan dan akan berlangsung pada 9-12 Ogos 2015 di Kampus Induk, Universiti Sains Malaysia dan dibuka kepada siswa-siswi tahun akhir ijazah pertama IPT dari seluruh Asia.

**Tema tersebut berkonseptkan Innovation: Odyssey Beyond Limit yang menjadikan NRIC sebagai platform untuk pertandingan penyelidikan dan inovasi dengan memberikan penekanan terhadap bidang sains dan teknologi dan bidang seni dan sastera.**